



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBIMBANGAN DAN PENCAPAIAN UJIAN MATA PELAJARAN PRINSIP
PERAKAUNAN PELAJAR-PELAJAR TINGKATAN EMPAT
DI NEGERI PERAK**

NOOR HAKIMI BINTI TAJUL ARIFIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2005



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

21.10.2005

NOOR HAKIMI BINTI TAJUL ARIFIN
M20031001398





Dedikasi khas kepada.....

***Azman Ariffin, suami yang tercinta
atas segala pengorbanan, kasih sayang & semangat yang diberikan***

***Kalsom, ibu yang dikasihi
atas kesabaran dan doa restu terhadap perjuanganku***

***Adik beradik & keluarga yang disayangi
atas keperihatinan & kerjasama yang diberikan selama ini.***

Dan akhir sekali, Al Fatimah buat arwah abah, bapa mertua dan ibu mertua..





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha Pemurah dan maha Mengasihani.

Alhamdulillah, bersyukur penulis ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya, penulisan tesis ini telah dapat disiapkan dengan sempurnanya bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Pendidikan (Perakaunan).

Terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Encik Mohd Abdullah Bin Jusoh selaku Penyelia dan Ketua Jabatan Perakaunan di atas segala bimbingan, dorongan dan sokongan yang diberikan selama ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Profesor Dr. Bachok M.Taib, Pengarah Pusat Pengajian Siswazah dan Profesor Madya Hariri Bin Khamis, Dekan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi.

Seterusnya terima kasih penulis ucapkan kepada pensyarah-pensyarah semester November Sesi 2003/2004 hingga semester Julai Sesi 2004/2005 yang melalui kuliah-kuliah mereka telah meningkatkan ilmu dan kefahaman serta minat penulis dalam menyiapkan kajian ini.

Terima kasih penulis ucapkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Ketua Setiausaha Bahagian Biasiswa kerana membiayai pengajian penulis untuk tempoh 2 tahun dan membolehkan penulis mengikuti pengajian secara sepenuh masa. Ini termasuklah Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru Jabatan Pelajaran Perak yang telah memberikan kebenaran menjalankan kajian di sekolah-sekolah. Tidak lupa juga kepada semua Pengetua, guru-guru perakaunan dan para pelajar di sekolah-sekolah yang terlibat kerana memberi kerjasama dalam kajian ini.

Penulis juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Puan Rohana Binti Md Thani dari SMK Pangkalan TLDM, Lumut dan Puan Shariffah Intan Binti Syed Salleh dari Politeknik Ungku Omar, Ipoh yang sudi menyemak dan memperbaiki item-item dalam ujian prestasi. Tidak ketinggalan juga terima kasih kepada Encik Sajoli Bin Masdor dari SMK Melawati, Selangor kerana membantu menjalankan kajian rintis di sekolah beliau. Ucapan terima kasih juga buat Cik Tan Pek Soong dari SMK Pangkalan TLDM, Lumut yang sudi menyemak abstrak kajian dalam Bahasa Inggeris.

Akhir sekali, penulis merakamkan terima kasih teristimewa buat suami: kasihmu bertahta, budimu dikenang, ibu yang dikasihi, adik beradik dan ahli keluarga mereka serta sahabat-sahabat.

Semoga Allah SWT menerima amal kita semua.





ABSTRAK

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk membandingkan pencapaian dalam ujian subjektif dengan ujian objektif tanpa penalti dan ujian objektif dengan penalti bagi mata pelajaran prinsip perakaunan mengikut lokasi sekolah, jantina, kaum dan mengikut kelas tiusyen. Kajian ini juga mengenal pasti korelasi pencapaian dalam ujian subjektif dengan ujian objektif tanpa penalti dan ujian objektif dengan penalti. Kajian ini turut mengenal pasti serta membandingkan kebimbangan pelajar yang mengambil ketiga-tiga ujian prestasi tersebut. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini berbentuk tinjauan yang dijalankan selama tiga bulan dan melibatkan 230 orang pelajar tingkatan empat di sekolah menengah harian di Negeri Perak. Data dikutip menggunakan soal selidik dan ujian prestasi. Data-data kuantitatif yang diperolehi telah dianalisis menggunakan SPSS Versi 11.5 seperti kekerapan dan peratusan, ujian-t dua hala, Koeffisien Pearson dan analisis regresi (nisbah F). Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif tanpa penalti bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar sekolah bandar dan pelajar bukan Melayu, tetapi terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif tanpa penalti berdasarkan pelajar sekolah luar bandar, pelajar lelaki, pelajar perempuan, pelajar Melayu, pelajar mengikut kelas tiusyen dan pelajar tidak mengikut kelas tiusyen. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif dengan penalti berdasarkan pelajar sekolah luar bandar, pelajar lelaki, pelajar Melayu dan pelajar tidak mengikut kelas tiusyen, tetapi terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif dengan penalti berdasarkan pelajar sekolah bandar, pelajar perempuan, pelajar bukan Melayu dan pelajar mengikut kelas tiusyen. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian ujian subjektif dengan pencapaian ujian objektif tanpa penalti dan ujian subjektif dengan ujian objektif dengan penalti. Secara keseluruhannya, kebimbangan pelajar terhadap ujian subjektif, ujian objektif tanpa penalti dan ujian objektif dengan penalti mata pelajaran prinsip perakaunan bukan disebabkan oleh kemahiran, persediaan dan penalti. Perbezaan format ujian juga tidak menyebabkan adanya kebimbangan di kalangan pelajar yang mengambil mata pelajaran prinsip perakaunan. Implikasi kajian mencadangkan bahawa guru-guru perakaunan perlu mengambilkira aras kesukaran yang seimbang dalam pembinaan soalan-soalan pemeriksaan di sekolah.





ABSTRACT

The main purpose of this research is to compare the achievement in the subjective test to that of multiple choice test with and without penalty for the accounting subjects based on the school's location, gender, race and attendance of tuition classes. The research also identifies the correlative achievement in subjective test to that of multiple choice test with and without penalty. The research also identifies and compare the students anxiety when sitting for all the performance tests. The method used for this research was through survey and the duration of research was three months involving 230 Form Four students in Perak. The data collected was in the form of responses to questionnaires and performance tests results. Quantitative data was analyzed using SPSS Version 11.5 like frequency and percentage, t-test (2 tailed), Pearson Coefficient and regression analysis (F ratio). The result of the research shows that there is no difference in performance of urban school students and non-Malay students in the subjective and multiple choice tests without penalty for accounting subjects. However, there is a difference in performance of rural school students, gender, Malay students and students who attended tuition classes. The findings also shows that there is no difference in performance of rural school students, male students, Malay students and student did not attend tuition classes in the subjective and multiple choice tests with penalty for accounting subjects. However, there is a difference in performance of urban school students, female students, non-Malay students and student who attended tuition classes. The result of the research also shows that there is a significant relationship between the performance in subjective test and multiple choice test with penalty and without penalty. On the whole, the student's anxiety when sitting for subjective test and multiple choice test with and without penalty is not due to their skills, preparations and penalty. The different test format also does not contribute to anxiety among the students taking the accounting exams. The implication of the research suggests that accounting teachers should bear in mind the different levels of difficulty when constructing exam questions.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB 1 : PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.1.1 Proses Pengajaran dan Pembelajaran	4
1.1.2 Konsep Pengujian, Pengukuran dan Penilaian	6
1.1.2.1 Pengujian	6
1.1.2.2 Pengukuran	7
1.1.2.3 Penilaian	8
1.1.3 Definisi Pendidikan Perakaunan	11
1.1.4 Matlamat Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	12
1.1.5 Kepentingan Pendidikan Perakaunan Di Sekolah	13
1.1.6 Pendidikan Perakaunan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan	14
1.1.6.1 Meningkatkan Pencapaian Pelajar Dalam Bidang Perakaunan	14
1.1.6.2 Kebimbangan Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Perakaunan	15
1.1.7 Penilaian Di Dalam Prinsip Perakaunan	16
1.1.8 Format Pentaksiran Dalam Prinsip Perakaunan	18
1.1.8.1 Asas-asas Pertimbangan	19
1.1.8.2 Objektif Pentaksiran Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	21
1.1.8.3 Format Terkini Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	21
1.2 Pernyataan Masalah	23
1.3 Objektif Kajian	26
1.4 Model Konseptual Kajian	27



1.5	Soalan-soalan Kajian	28
1.6	Hipotesis-hipotesis Kajian	31
1.7	Kepentingan Kajian	34
1.8	Definisi Operasional Pembolehubah	37
1.9	Bidang dan Batasan Kajian	43
1.9.1	Bidang Kajian	43
1.9.2	Batasan Kajian	44
1.10	Rumusan	45

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR 46

2.1	Konsep Ujian/peperiksaan	47
2.2	Bentuk-bentuk Ujian/peperiksaan	48
2.2.1	Ujian Bukan Bertulis	48
2.2.2	Ujian Kertas-Pensel	49
2.3	Perihalhan Tentang Ujian Objektif	49
2.3.1	Konsep Ujian Objektif	49
2.3.2	Bentuk-bentuk Ujian Objektif	50
2.3.3	Ujian Objektif Prinsip Perakaunan	51
2.3.4	Pembinaan Item Ujian Objektif Aneka Pilihan	51
2.3.5	Pembinaan Item Objektif Aneka Pilihan Mengikut Aras Kemahiran	51
2.3.6	Kelebihan dan Kelemahan Ujian Objektif	53
2.4	Perihalhan Tentang Ujian Subjektif/esei	53
2.4.1	Konsep Ujian Subjektif/esei	53
2.4.2	Bentuk-bentuk Ujian Subjektif/esei	54
2.4.3	Ujian Subjektif Prinsip Perakaunan	55
2.4.4	Pembinaan Item Ujian Subjektif	56
2.4.5	Pembinaan Item Subjektif Aneka Pilihan Mengikut Aras Kemahiran	56
2.4.6	Kelebihan dan Kelemahan Ujian Subjektif	56
2.5	Hubungan Ujian Objektif Aneka Pilihan dan Ujian Subjektif	56
2.6	Ujian Objektif Aneka Pilihan Dengan Penalti	58
2.7	Konsep Kebimbangan	58
2.7.1	Perbezaan Antara Ketakutan dan Kebimbangan	61
2.8	Teoritikal Kebimbangan	62
2.9	2.8.1 Teori Psikoanalisis	62
2.8.2	Teori Trait	63
2.8.3	Teori Humanistik (Kemanusiaan)	65
2.8.4	Teori Penjenisan	65
2.8.5	Teori Kebimbangan Ujian	65
2.9	Punca/Situasi Kebimbangan	67
2.10	Hubungan Konsep Kebimbangan dan Pelajar	69
2.11	Kajian Mengenai Kebimbangan	71
2.11.1	Kajian Tempatan	71
2.11.2	Kajian Luar Negeri	81
2.12	Rumusan	87





BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	88
3.1 Rekabentuk Kajian	88
3.2 Populasi serta Persampelan	89
3.3 Instrumen, Kesahan dan Kebolehpercayaan	92
3.4.1 Ujian Subjektif	93
3.4.2 Ujian Objektif Aneka Pilihan (OTP dan ODP)	94
3.4.3 Soal Selidik Berkenaan Latar Belakang Pelajar	96
3.4.4 Soal Selidik Berkenaan Kebimbangan Terhadap Ujian	96
3.4 Kajian Rintis	99
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	107
3.6 Penganalisisan Data	108
3.7 Rumusan	110
 BAB 4 : HASIL KAJIAN	 111
4.1 Latar Belakang Diri Pelajar	112
4.2 Perbandingan Pencapaian Ujian Subjektif, Ujian Objektif Aneka Pilihan Tanpa Penalti dan Ujian Objektif Aneka Pilihan Dengan Penalti Bagi Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	120
4.2.1 Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Mengikut Pelajar Sekolah Bandar	121
4.2.2 Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Mengikut Pelajar Sekolah Luar Bandar	122
4.2.3 Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Mengikut Pelajar Lelaki	123
4.2.4 Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Mengikut Pelajar Perempuan	125
4.2.5 Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Mengikut Pelajar Melayu	126
4.2.6 Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Mengikut Pelajar Bukan Melayu	127
4.2.7 Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Mengikut Pelajar Mengikuti Kelas Tuisyen	129
4.2.8 Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Mengikut Pelajar Tidak Mengikuti Kelas Tuisyen	130
4.2.9 Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Mengikut Pelajar Sekolah Bandar	131
4.2.10 Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Mengikut Pelajar Sekolah Luar Bandar	133
4.2.11 Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Mengikut Lelaki	134
4.2.12 Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Mengikut Perempuan	135





4.2.13	Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Mengikut Pelajar Melayu	137
4.2.14	Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Mengikut Pelajar Bukan Melayu	138
4.2.15	Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Mengikut Pelajar Mengikuti Kelas Tiusyen	139
4.2.16	Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Mengikut Pelajar Tidak Mengikuti Kelas Tiusyen	141
4.3	Korelasi Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Bagi Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	145
4.4	Korelasi Pencapaian Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Bagi Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	146
4.5	Kebimbangan Pelajar Yang Menduduki Ujian Subjektif, Ujian Objektif Tanpa Penalti dan Ujian Objektif Dengan Penalti Mengikut Aspek Kemahiran, Persediaan dan Penalti	147
4.5.1	Kebimbangan Pelajar Terhadap Ujian Subjektif Disebabkan Kemahiran	148
4.5.2	Kebimbangan Pelajar Terhadap Ujian Subjektif Disebabkan Persediaan	150
4.5.3	Kebimbangan Pelajar Terhadap Ujian Objektif Tanpa Penalti Disebabkan Kemahiran	151
4.5.4	Kebimbangan Pelajar Terhadap Ujian Objektif Tanpa Penalti Disebabkan Persediaan	153
4.5.5	Kebimbangan Pelajar Terhadap Ujian Objektif Dengan Penalti Disebabkan Kemahiran	155
4.5.6	Kebimbangan Pelajar Terhadap Ujian Objektif Dengan Penalti Disebabkan Persediaan	156
4.5.7	Kebimbangan Pelajar Terhadap Ujian Objektif Dengan Penalti Disebabkan Penalti	158
4.6	Perbandingan Kebimbangan Pelajar Yang Mengambil Ujian Subjektif Dengan Ujian Objektif Tanpa Penalti, Ujian Subjektif Dengan Ujian Objektif Dengan Penalti dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Dengan Ujian Objektif Dengan Penalti	160
4.6.1	Perbandingan Kebimbangan Pelajar Yang Mengambil Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti	160
4.6.2	Perbandingan Kebimbangan Pelajar Yang Mengambil Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti	161
4.6.3	Perbandingan Kebimbangan Pelajar Yang Mengambil Ujian Objektif Tanpa Penalti dan Ujian Objektif Dengan Penalti	162
4.7	Rumusan	164
BAB 5 :	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	165
5.1	Objektif Kajian	165
5.2	Kaedah Kajian	167



5.3	Rumusan Dapatan Kajian	168
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian	169
5.4.1	Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian subjektif dan ujian OTP	169
5.4.2	Terdapat perbezaan pencapaian ujian subjektif dan ujian OTP	170
5.4.3	Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian subjektif dan ujian ODP	170
5.4.4	Terdapat perbezaan pencapaian ujian subjektif dan ujian ODP	171
5.4.5	Korelasi pencapaian antara ujian subjektif dan ujian OTP	171
5.4.6	Korelasi pencapaian antara ujian subjektif dan ujian ODP	172
5.4.7	Kebimbangan pelajar terhadap ujian subjektif, ujian OTP dan ujian ODP bukan disebabkan oleh kemahiran	172
5.4.8	Kebimbangan pelajar terhadap ujian subjektif, ujian OTP dan ujian ODP bukan disebabkan oleh persediaan	173
5.4.9	Kebimbangan pelajar terhadap ujian ODP bukan disebabkan oleh penalti	174
5.4.10	Perbezaan format ujian subjektif, ujian OTP dan ujian ODP tidak menyebabkan adanya keseimbangan di kalangan pelajar	175
5.5	Implikasi dan Cadangan	175
5.5.1	Cadangan Supaya Format Ujian/Peperiksaan Dipatuhi Sepenuhnya	175
5.5.2	Cadangan Untuk Meningkatkan Keyakinan Pelajar Terhadap Ujian	176
5.5.3	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	177
5.6	Rumusan	179

BIBLIOGRAFI	180
-------------	-----

LAMPIRAN

A1	Set Satu: Ujian Objektif Aneka Pilihan Tanpa Penalti	188
A2	Set Dua: Ujian Objektif Aneka Pilihan Dengan Penalti	193
A3	Set Tiga: Ujian Subjektif	199
A4	Soal Selidik Latarbelakang Diri Pelajar	205
A5	Soal Selidik Kebimbangan Terhadap Ujian Prinsip Perakaunan	209
A6	Peraturan Pemarkahan Ujian Prestasi Set Satu (OTP)	212
A7	Peraturan Pemarkahan Ujian Prestasi Set Dua (ODP)	213
A8	Peraturan Pemarkahan Ujian Prestasi Set Tiga (Subjektif)	214
A9	Prosedur Pentadbiran Ujian Prestasi Dan Soal Selidik	219
B1	Surat Kebenaran Kementerian Pelajaran Malaysia	220
B2	Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri Perak	221
B3	Surat Pengenalan Diri	222



SENARAI JADUAL

Jadual

muka surat

1.1	Bilangan Sekolah Negeri Perak Yang Menawarkan Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Pada Tahun 2004 serta Bilangan Pelajar	15
1.2	Format Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan (mulai SPM 2004)	22
2.1	Aras Kemahiran Bidang Kognitif Dengan Kata-Kata Kerja	52
3.1	Bilangan Sekolah Negeri Perak Yang Menawarkan Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Pada Tahun 2004 serta Bilangan Pelajar	90
3.2	Sampel Sekolah Terpilih Mengikut Lokasi dan Pencapaian SPM 2004	91
3.3	Topik-topik Yang Dirangkumi Dalam Ujian Prestasi Kajian	92
3.4	Aras Kesukaran Ujian Subjektif Mengikut Nisbah oleh LPM	94
3.5	Aras Kesukaran Ujian Objektif Mengikut Nisbah oleh LPM	95
3.6	Bilangan Item Kebimbangan Mengikut Aspek Yang Dikaji	97
3.7	Skor Minimum dan Maksimum Kebimbangan Terhadap Ujian	98
3.8	Nilai Pekali Alpha Cronbach Mengikut Aspek Kajian	99
3.9	Markah Tertinggi dan Markah Terendah Mengikut Jenis Ujian Objektif	100
3.10	Bilangan Pelajar Bijak dan Pelajar Lemah Yang Perlu Diambil Untuk Menganalisis Indeks Kesukaran dan Diskriminasi Soalan	101
3.11	Nilai Kadaran Bagi Pelajar Bijak dan Pelajar Lemah	102
3.12	Indeks Kesukaran Item (p) dan Indeks Diskriminasi Item (D)	103





Jadual

muka surat

3.13	Pentafsiran Item/soalan Berdasarkan Indeks Kesukaran (p)	104
3.14	Pentafsiran Item/soalan Berdasarkan Indeks Diskriminasi (D)	104
3.15	Item Yang Diperbaiki Selepas Praujian (Kajian Rintis) Bagi Ujian Objektif Tanpa Penalti	105
3.16	Item Yang Diperbaiki Selepas Praujian (Kajian Rintis) Bagi Ujian Objektif Dengan Penalti	106
4.1	Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah	112
4.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	112
4.3	Taburan Responden Mengikut Kaum/Etnik	113
4.4	Taburan Responden Mengikut Mengikuti Kelas Tuisyen	114
4.5	Taburan Responden Mengikut Keputusan Penilaian Menengah Rendah Bagi Mata Pelajaran Matematik	114
4.6	Taburan Responden Mengikut Keputusan Penilaian Menengah Rendah Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup	115
4.7	Taburan Responden Mengikut Perasaan Terhadap Prinsip Perakaunan	116
4.8	Taburan Responden Mengikut Senang atau Sukar Mempelajari Prinsip Perakaunan	117
4.9	Taburan Responden Yang Mengulangkaji dan Membuat Latihan Prinsip Perakaunan Di Rumah	118
4.10	Taburan Responden Mengikut Tindakan Mereka Selepas Menerima Balik Kertas Ujian/Peperiksaan Prinsip Perakaunan	118
4.11	Ujian-t Bagi Pencapaian Dalam Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Berdasarkan Pelajar Sekolah Bandar	121
4.12	Ujian-t Bagi Pencapaian Dalam Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Berdasarkan Pelajar Sekolah Luar Bandar	122
4.13	Ujian-t Bagi Pencapaian Dalam Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Berdasarkan Pelajar Lelaki	124





Jadual

muka surat

4.14	Ujian-t Bagi Pencapaian Dalam Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Berdasarkan Pelajar Perempuan	125
4.15	Ujian-t Bagi Pencapaian Dalam Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Berdasarkan Pelajar Melayu	126
4.16	Ujian-t Bagi Pencapaian Dalam Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Berdasarkan Pelajar Bukan Melayu	128
4.17	Ujian-t Bagi Pencapaian Dalam Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Berdasarkan Pelajar Mengikuti Kelas Tuisyen	129
4.18	Ujian-t Bagi Pencapaian Dalam Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti Berdasarkan Pelajar Tidak Mengikuti Kelas Tuisyen	130
4.19	Ujian-t Bagi Pencapaian Dalam Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Berdasarkan Pelajar Sekolah Bandar	132
4.20	Ujian-t Bagi Pencapaian Dalam Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Berdasarkan Pelajar Sekolah Luar Bandar	134
4.21	Ujian-t Bagi Pencapaian Dalam Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Berdasarkan Pelajar Lelaki	134
4.22	Ujian-t Bagi Pencapaian Dalam Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Berdasarkan Pelajar Perempuan	136
4.23	Ujian-t Bagi Pencapaian Dalam Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Berdasarkan Pelajar Melayu	137
4.24	Ujian-t Bagi Pencapaian Dalam Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Berdasarkan Pelajar Bukan Melayu	138
4.25	Ujian-t Bagi Pencapaian Dalam Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Berdasarkan Pelajar Mengikuti Kelas Tuisyen	140
4.26	Ujian-t Bagi Pencapaian Dalam Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti Berdasarkan Pelajar Tidak Mengikuti Kelas Tuisyen	141





Jadual

muka surat

4.27	Rumusan Dapatan Ujian-t bagi Pembolehubah Bebas Mengikut Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti	143
4.28	Rumusan Dapatan Ujian-t bagi Pembolehubah Bebas Mengikut Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti	144
4.29	Ujian-t Bagi Pekali Korelasi Antara Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti	145
4.30	Ujian-t Bagi Pekali Korelasi Antara Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti	146
4.31	Min dan Sisihan Piawai Skor Kebimbangan Terhadap Ujian Subjektif Mengikut Aspek Kemahiran	148
4.32	Jadual Anova Bagi Faktor Kebimbangan Pelajar Terhadap Ujian Subjektif Mengikut Aspek Kemahiran	149
4.33	Min dan Sisihan Piawai Skor Kebimbangan Terhadap Ujian Subjektif Mengikut Aspek Persediaan	150
4.34	Jadual Anova Bagi Faktor Kebimbangan Pelajar Terhadap Ujian Subjektif Mengikut Aspek Persediaan	151
4.35	Min dan Sisihan Piawai Skor Kebimbangan Terhadap Ujian Objektif Tanpa Penalti Mengikut Aspek Kemahiran	152
4.36	Jadual Anova Bagi Faktor Kebimbangan Pelajar Terhadap Ujian Objektif Tanpa Penalti Mengikut Aspek Kemahiran	152
4.37	Min dan Sisihan Piawai Skor Kebimbangan Terhadap Ujian Objektif Tanpa Penalti Mengikut Aspek Persediaan	153
4.38	Jadual Anova Bagi Faktor Kebimbangan Pelajar Terhadap Ujian Objektif Tanpa Penalti Mengikut Aspek Persediaan	154
4.39	Min dan Sisihan Piawai Skor Kebimbangan Terhadap Ujian Objektif Dengan Penalti Mengikut Aspek Kemahiran	155
4.40	Jadual Anova Bagi Faktor Kebimbangan Pelajar Terhadap Ujian Objektif Dengan Penalti Mengikut Aspek Kemahiran	156
4.41	Min dan Sisihan Piawai Skor Kebimbangan Terhadap Ujian Objektif Dengan Penalti Mengikut Aspek Persediaan	157



Jadual	muka surat
4.42	Jadual Anova Bagi Faktor Kebimbangan Pelajar Terhadap Ujian Objektif Dengan Penalti Mengikut Aspek Persediaan
	157
4.43	Min dan Sisihan Piawai Skor Kebimbangan Terhadap Ujian Objektif Dengan Penalti Mengikut Aspek Penalti
	158
4.44	Jadual Anova Bagi Faktor Kebimbangan Pelajar Terhadap Ujian Objektif Dengan Penalti Mengikut Aspek Penalti
	159
4.45	Rumusan Dapatan Nisbah F Bagi Aspek Kebimbangan Pelajar Mengikut Ujian Prestasi
	159
4.46	Ujian-t Bagi Kebimbangan Terhadap Format Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Tanpa Penalti
	160
4.47	Ujian-t Bagi Kebimbangan Terhadap Format Ujian Subjektif dan Ujian Objektif Dengan Penalti
	162
4.48	Ujian-t Bagi Kebimbangan Terhadap Format Ujian Objektif Tanpa Penalti dan Dengan Penalti
	163

SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat
1.1	Proses Pengajaran Sebagai Kitaran Yang Berterusan
1.2	Perkaitan Penilaian, Pengukuran dan Pengujian
1.3	Peringkat Perlaksanaan Prosedur Penilaian
1.4	Fungsi-fungsi Penilaian Dalam Simpan Kira dan Perakaunan
1.5	Model Konseptual Kajian Kebimbangan Terhadap Ujian
2.1	“Dimensi Dua Personaliti” yang dikemukakan oleh Hans Eysenck

SENARAI SINGKATAN

BIL	Bilangan
D	Indeks Diskriminasi Item
d.k.	Darjah Kebebasan
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
Ho	Hipotesis Nol
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KH	Kemahiran Hidup
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
n	Bilangan Hasil Darab Jumlah Pelajar Dengan 0.3
N	Jumlah Pilihan Jawapan Yang Diberi
No	Nombor
ODP	Ujian Objektif Aneka Pilihan Dengan Penalti
OTP	Ujian Objektif Aneka Pilihan Tanpa Penalti
P & P	Pengajaran dan Pembelajaran
p	Indeks Kesukaran Item
pH	Kadaran Kumpulan Pelajar Bijak
pL	Kadaran Kumpulan Pelajar Lemah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
R	Aras Rendah
S	Aras Sederhana
s.p.	Sisihan Piawai
Sig.	Signifikan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
T	Aras Tinggi
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia



BAB 1

PENDAHULUAN

Di dalam bab ini, pengkaji membincangkan ujian/peperiksaan sebagai satu proses penilaian, fungsinya dan format ujian/peperiksaan prinsip perakaunan. Di samping itu, latar belakang proses pengajaran dan pembelajaran termasuk konsep pengujian, pengukuran dan penilaian juga turut diperbincangkan. Pengkaji juga menjelaskan latar belakang pendidikan perakaunan dari segi definisi, matlamat, kepentingan dan hubungannya dengan Falsafah Pendidikan Negara. Seterusnya pengkaji menjurus kepada format pentaksiran dalam prinsip perakaunan mulai tahun 2004 dan perasaan kebimbangan pelajar yang menjadi fokus kajian. Pernyataan masalah bagi kajian ini diperjelaskan beserta dengan objektif, model konseptual, soalan, hipotesis, kepentingan serta bidang dan batasan kajian. Di samping itu, definisi operasional bagi istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian ini juga disertakan.



1.1 Latar Belakang Kajian

Ujian/peperiksaan merupakan proses penilaian kepada sesuatu hasil pembelajaran. Ia digunakan secara sistematik bagi menentukan prestasi seseorang pelajar dalam sesuatu bidang. Sejarah perkembangan pengujian menunjukkan bahawa ujian telah digunakan pada zaman Socrates untuk mengukur pembelajaran kanak-kanak (Tan & Ee, 1996).

Kini, fungsi dan tujuan utama ujian/peperiksaan diperluaskan seperti memperoleh maklum balas tentang proses pengajaran dan pembelajaran (P & P), mengkategorikan pelajar dalam kumpulan tertentu mengikut kriteria yang sesuai, menentukan kebolehan pelajar pada awal atau sebelum proses P & P dan sebagainya. Kini, taraf pendidikan sedang berkembang berdasarkan nilai ekonomi yang diletakkan kepada pendidikan. Tinggi rendahnya pencapaian pendidikan seseorang itu akan mempengaruhi kedudukan ekonominya (Wan Mohd Zahid, 1993). Oleh yang demikian, tahap pendidikan seseorang menjadi ukuran atau jaminan bagi masa depan seseorang pelajar.

Peperiksaan bagi mata pelajaran prinsip perakaunan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) sebelum tahun 2004 adalah berkonsepkan penyelesaian masalah (Sukumaran, 1991) ataupun lebih dikenali dengan peperiksaan subjektif/esei. Oleh kerana itu, guru-guru di sekolah menggunakan format ujian yang sama bagi menilai pencapaian pelajar-pelajar mereka di bilik darjah ataupun dalam peperiksaan di peringkat sekolah. Mereka berbuat demikian dengan alasan untuk membiasakan pelajar-pelajar dengan format dan corak soalan yang biasa digunakan dalam peperiksaan kebangsaan.

Mulai tahun 2004, pentaksiran mata pelajaran prinsip perakaunan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah menggunakan dua instrumen ataupun dua format iaitu kertas 1 berbentuk ujian objektif (aneka pilihan dan gabungan) yang mengandungi

40 soalan. Kertas ini diperuntukkan masa selama 1 jam 15 minit, manakala kertas 2 berbentuk ujian subjektif (respons terhad dan struktur) yang mengandungi 3 soalan di bahagian A (wajib jawab semuanya) dan 2 soalan di bahagian B (pilih satu sahaja). Kertas 2 ini pula diperuntukkan masa selama 2 jam 30 minit (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2003).

Perubahan format peperiksaan ini dirasakan perlu oleh kerana mulai tahun 2004 itu juga penilaian yang menggunakan sukatan pelajaran baru diperkenalkan. Walaupun pelajar-pelajar telah biasa dengan format ujian objektif semasa di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR), namun begitu tidak semua pelajar akan merasa selesa dengan format tersebut. Tambahan pula di dalam penilaian mata pelajaran prinsip perakaunan melibatkan kedua-dua format ujian/peperiksaan iaitu ujian objektif dan ujian subjektif/esei. Perasaan kebimbangan terhadap ujian/peperiksaan sedikit sebanyak akan timbul dalam diri pelajar.


Pencapaian pelajar di dalam ujian/peperiksaan adalah dipengaruhi oleh keadaan emosi pelajar ketika itu, di samping faktor-faktor seperti persediaan, kaedah pembelajaran, kemahiran, keluarga dan persekitaran. Pengurusan masa juga merupakan salah satu faktor penyebab kebimbangan untuk menghadapi peperiksaan. Kesan daripada pengurusan masa yang tidak betul menyebabkan pelajar sering tertekan dan seterusnya menimbulkan kebimbangan. Akibat bimbang menghadapi kegagalan, segelintir pelajar berlumba-lumba untuk mencapai kejayaan hingga menimbulkan kesan negatif seperti perbuatan meniru dan mendapatkan soalan-soalan bocor di pasaran gelap (Mohd Azmi, 2000). Pelajar-pelajar yang mengalami masalah kebimbangan untuk menghadapi ujian/peperiksaan berlaku di seluruh negara. Walaupun peperiksaan tidak harus dianggap sebagai ukuran muktamad dalam sistem pendidikan, namun ia menjadi ukuran utama dalam menentukan prestasi seseorang pelajar dalam pelajaran.

Menurut Mohd Daud (1990), kebimbangan ujian adalah kebimbangan tentang situasi ujian. Di Malaysia, kebimbangan ujian lebih popular dengan nama ‘demam peperiksaan’. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kebimbangan pelajar-pelajar terhadap ujian mata pelajaran prinsip perakaunan serta membandingkan pencapaian mereka dalam kedua-dua format ujian tersebut.

1.1.1 Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Proses P & P merupakan satu proses kitaran yang berterusan. Proses ini dibahagikan kepada tiga peringkat yang saling berkait iaitu pembentukan objektif pengajaran, proses pelaksanaan dan penilaian seperti ditunjukkan pada rajah 1.1.

Tujuan mengajar ialah untuk memperluaskan pengetahuan dan kemahiran, memperbaiki tingkah laku dan sikap pelajar. Sebelum seseorang guru mula mengajar, dia harus mengetahui dan juga dapat menentukan objektif pengajarannya. Dalam usaha untuk mencapai objektif ini, seseorang guru akan melakukan penilaian ke atas pelajar-pelajarnya.



Rajah 1.1 Proses Pengajaran Sebagai Kitaran Yang Berterusan

Penilaian penting kerana hasil daripada penilaian akan memberikan maklum balas tentang proses P & P sama ada objektif-objektif yang ditetapkan di awal pengajaran telah tercapai ataupun tidak (Mok Soon Sang, 2003).

Setiap guru tidak dapat lari daripada menjadi seorang penilai. Guru perlu memungut, menganalisis dan menggunakan data yang diperolehi untuk membuat pertimbangan atau keputusan (penilaian) demi kepentingan pelajar-pelajarnya. Oleh itu, adalah penting seseorang guru itu mengetahui tentang pengujian dan penilaian supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan sempurna.

Di bawah rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), aktiviti penilaian merupakan aktiviti yang penting dalam setiap peringkat P & P. Atan (1991) menjelaskan tujuan penilaian bergantung kepada proses P & P dan ianya hendaklah dijalankan terus menerus. Pada peringkat permulaan, penilaian boleh memberikan guru maklumat tentang pengetahuan sedia ada pelajar manakala pada peringkat perlaksanaan pula, membolehkan guru mengubah cara-cara pengajarannya supaya lebih berkesan. Seterusnya pada peringkat penyampaian adalah untuk memastikan isi-isi penting telah dapat dikuasai dan pada peringkat kesimpulan pula untuk memastikan tingkahlaku pelajar-pelajar telah berubah hasil daripada sesuatu unit pengajaran.

Biasanya pelajar dan pihak sekolah akan memberi tumpuan yang lebih kepada peperiksaan berbanding dengan apa yang sepatutnya diterima daripada kurikulum. Pihak sekolah akan menumpukan pengajaran di bilik darjah mengikut apa yang sering diuji di dalam peperiksaan. Guru-guru akan mengajar cara mendapat jawapan kepada soalan-soalan di dalam peperiksaan dan bukan lagi mengajar mengikut kehendak kurikulum. Ebel (1979) dalam Jamil (1992) menyatakan bahawa ini boleh merosakkan




peranan peperiksaan itu sebagai alat pengukuran pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran tertentu.

1.1.2 Konsep Pengujian, Pengukuran dan Penilaian

Sebagai guru, kebolehan menggunakan dan memahami cara-cara pengukuran pendidikan tertentu adalah sebahagian daripada tugas mereka. Seseorang guru itu tidak dianggap layak dan cekap menjalankan tugasnya tanpa mempunyai pengetahuan asas pengukuran dan penilaian dalam pendidikan.

Sebenarnya pengujian dan pengukuran merupakan aktiviti utama dalam aktiviti penilaian. Kepentingan antara ketiga-tiga konsep ini dalam dilihat dalam rajah 1.2.



Rajah 1.2 Perkaitan Penilaian, Pengukuran dan Pengujian

1.1.2.1 Pengujian

Pengujian merujuk kepada satu teknik mendapatkan maklumat (Yap Yee Khiong, Wan Chwee Seng & Ismail, 1991) ataupun satu prosedur sistematik untuk mengukur perubahan (Ragbir Kaur, 2005) tingkahlaku pelajar melalui



ujian yang dijalankan. Tujuan utama pengujian ialah untuk menentukan pencapaian pelajar-pelajar dalam sesuatu mata pelajaran serta membuat perbandingan prestasi.

Ujian dikatakan prosedur yang sistematik kerana soalan-soalan yang dibina mengikut peraturan tertentu iaitu prosedur untuk mentadbirkan ujian ditentukan dan prosedur pemarkahan dinyatakan secara terperinci (Yap Yee Khiong, Wan Chwee Seng & Ismail, 1991). Pengujian boleh dijalankan melalui pemerhatian atau pentadbiran soalan-soalan ujian (Ragbir Kaur, 2005).

1.1.2.2 Pengukuran

Pengukuran ditakrifkan sebagai pemberian angka-angka kepada objek atau peristiwa mengikut peraturan yang tertentu dengan skala yang telah ditetapkan terlebih dahulu (Yap Yee Khiong, Wan Chwee Seng & Ismail, 1991). Ianya meliputi pengumpulan maklumat secara kuantitatif melalui berbagai-bagai alat pengukuran bagi mendapatkan bukti-bukti untuk dianalisiskan dan diinterpretasikan (Ragbir Kaur, 2005). Biasanya bukti ini adalah dalam bentuk markah mengikut skema pemarkahan.

Tujuan utama pengukuran ialah untuk membuat pengelasan bagi pencapaian akademik pelajar dalam pembelajaran. Prosesnya menunjukkan pencapaian keseluruhan pelajar tetapi tidak semestinya membayangkan kebaikan atau tingkah laku seorang individu (Ragbir Kaur, 2005).



1.1.2.3 Penilaian

Penilaian boleh didefinisikan daripada pelbagai perspektif. Tyler (1991) mendefinisikan penilaian sebagai satu proses untuk mengetahui sejauhmana pengalaman pembelajaran yang telah dibentuk dan disusun itu dapat menghasilkan jangkaan yang diharapkan. Proses penilaian ini juga akan menentukan kekuatan dan kelemahan rancangan yang telah diusahakan.

Razali (1991) mendefinisikan penilaian sebagai suatu proses untuk membuat keputusan mengenai keberkesanan sesuatu program atau aktiviti. Manakala Azizi (1997) mendefinisikan penilaian sebagai satu proses untuk menentukan masalah, memilih maklumat berkaitan, memungut dan menganalisis maklumat untuk melaporkan rumusan yang berguna kepada pembuat keputusan.



Dalam konteks pendidikan, menurut Mok Soon Sang (2003), penilaian ialah suatu sistem atau proses yang meliputi aktiviti-aktiviti mengumpul maklumat tentang strategi dan aktiviti P & P, untuk membuat analisis dan keputusan dengan tujuan mengambil tindakan yang sewajarnya, seperti merancang aktiviti P & P selanjutnya dengan cara yang lebih berkesan.


Menurut Zaidatol Akmaliah & Habibah (2000), penilaian dalam pengajaran ialah proses yang sistematik dalam mengumpul maklumat dan menaksir sejauh manakah objektif pengajaran telah dicapai oleh pelajar. Soalan, ujian, peperiksaan dan pengukuran merupakan bahagian-bahagian dalam sesuatu sistem penilaian. Penilaian termasuk proses mengumpul maklumat mengenai pelajar dan membuat taksiran mengenai kemajuan mereka. Dengan itu, guru mendapat maklum balas tentang keberkesanan pengajarannya dan dapat



mengambil langkah-langkah memperbaiki pengajarannya bagi meningkatkan lagi pembelajaran pelajar.

Menurut Ragbir Kaur (2005), pentafsiran penilaian berdasarkan data kuantitatif dan penghuraian kualitatif. Ia boleh dijalankan sebelum, semasa atau selepas satu sesi pengajaran guru serta berdasarkan sesuatu pembelajaran spesifik atau kepada keseluruhan kurikulum. Seperti proses pengukuran, ia dapat menunjukkan pencapaian keseluruhan tetapi tidak semestinya membayangkan kebaikan seorang individu.

Prosedur penilaian mengandungi aspek-aspek pengujian, pengukuran, penganalisan dan kesimpulan dan boleh dilaksanakan dalam lima peringkat seperti yang dihuraikan secara ringkas dalam Rajah 1.3.



Rajah 1.3 Peringkat Perlaksanaan Prosedur Penilaian

Tujuan pendidikan ialah untuk membantu pelajar-pelajar mendapatkan pengetahuan dan kemahiran serta menanamkan nilai-nilai yang mereka perlukan bagi membolehkan

mereka mencapai kecekapan yang tertentu. Oleh yang demikian, Atan (1991) mengatakan adalah wajar diadakan penilaian selepas sesuatu proses P & P supaya dapat ditentukan sama ada objektif yang telah ditetapkan bagi pelajaran tersebut telah dicapai ataupun tidak.

Penilaian bertujuan membantu guru membuat pertimbangan dan keputusan yang berkesan. Terdapat dua bentuk penilaian iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif. Penilaian formatif meliputi aktiviti mengesan kekuatan dan kelemahan penguasaan pelajar dalam sesuatu kemahiran yang telah diajarkan secara individu supaya dapat membetulkan kesalahan dengan serta merta. Biasanya penilaian ini dijalankan dalam bentuk pemerhatian, bersoal jawab secara lisan ataupun dalam satu siri ujian yang pendek (Ragbir Kaur, 2005).

Penilaian formatif dibuat dari semasa ke semasa untuk mengetahui pencapaian atau kemajuan pelajar. Penilaian ini berfaedah kepada pelajar kerana ia dapat menunjukkan tahap kefahaman dan kemahiran yang telah mereka capai. Guru pula boleh mengetahui setakat mana pengajaran memberi kesan kepada pembelajaran (Mok Soon Sang, 2003).

Menurut Omardin (1999) pula, penilaian formatif berfungsi untuk memberikan maklum balas kepada penilai sepanjang proses P & P pelajar. Kemajuan pelajar dan masalah yang dihadapi semasa proses P & P dapat dikawal dan diatasi oleh tenaga pengajar.

Penilaian sumatif pula meliputi aktiviti pengujian dan pengukuran atas beberapa unit pembelajaran, biasanya dalam tempoh satu penggal, setengah tahun atau genap setahun. Penilaian ini biasanya digunakan untuk menentukan pencapaian pelajar dalam beberapa unit pembelajaran. Contohnya, peperiksaan pertengahan tahun, peperiksaan akhir tahun, PMR, SPM dan sebagainya (Mok Soon Sang, 1992).

Penilaian sumatif dibuat pada akhir sesuatu program pengajaran. Ia bertujuan untuk mengenal pasti sejauh manakah objektif-objektif kursus atau mata pelajaran secara keseluruhannya telah tercapai dan sejauh mana pelajar telah memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang disampaikan (Mok Soon Sang, 2003).

Abu Bakar (1991) mengatakan bahawa penilaian sumatif dilakukan oleh guru di akhir masa sesuatu mata pelajaran dan ia bertujuan untuk memberikan gred-gred tertentu yang lazimnya dilakukan pada setiap hujung bulan atau semester. Proses penilaian dilakukan sekali sahaja iaitu di akhir tempoh P & P. Penilaian jenis ini tidak dapat membantu guru dengan sepenuhnya untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar. Di samping itu, kekurangan maklum balas tidak dapat membantu guru menyediakan pelbagai strategi pengajaran yang lebih berkesan.

Walaupun mempunyai tafsiran yang berbeza dari segi pengertian dan tujuan, ketiga-tiga konsep pengujian, pengukuran dan penilaian ini memang ada kaitan rapat dengan proses pelaksanaan. Malah ketiga-tiganya saling bantu membantu dalam pencapaian matlamat yang sama. Oleh yang demikian adalah wajar diadakan pengujian, pengukuran dan penilaian selepas sesuatu pengajaran itu dijalankan untuk menentukan sama ada objektif yang telah ditetapkan tercapai atau tidak.

1.1.3 Definisi Pendidikan Perakaunan

Sukumaran (1991) mengatakan bahawa pendidikan perakaunan adalah satu pengajian mengenai semua peraturan-peraturan atau prinsip-prinsip tentang perekodan angka dalam nilai-nilai kewangan. Secara praktiknya ia melibatkan penggunaan matematik, tetapi ia bukanlah merupakan satu latihan dalam matematik. Di sini angka-angka direkod secara tepat dan teratur bagi setiap urusaniaga, kemudian ditunjukkan satu

gambaran yang ringkas dan jelas mengenai kedudukan kewangan sesuatu organisasi perniagaan iaitu jumlah aset dan liabiliti pada sesuatu tarikh.

Skousen, Langenderfer & Albrecht (1993) pula mentakrifkan pendidikan perakaunan sebagai satu bidang ilmu yang berkaitan dengan pemahaman dan kemahiran pelajar dalam mengumpul, mengukur dan menyampaikan maklumat kewangan.

Pelbagai istilah telah digunakan dalam pendidikan perakaunan di Malaysia iaitu simpan kira, prinsip akaun dan perakaunan. Perbezaan istilah hanyalah merujuk kepada setakat mana tajuk-tajuk di dalam perakaunan diliputi mengikut tahap pendidikan (Sukumaran, 1991). Namun kini dengan perubahan kurikulum yang telah dibuat, istilah yang digunakan pula pada peringkat menengah atas ialah prinsip perakaunan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Prinsip perakaunan merupakan lanjutan daripada mata pelajaran Kemahiran Hidup di peringkat menengah rendah dari aspek penyimpanan rekod perniagaan. Isi kandungannya adalah lanjutan dalam bidang simpan kira yang lebih mengutamakan proses merekod urus niaga (Ismail, Faridah & Azmi, 2002).

1.1.4 Matlamat Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan

Prinsip perakaunan bertujuan untuk melahirkan individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas perakaunan melalui proses pembelajaran yang menitikberatkan pemahaman rasional sesuatu perkara yang dilakukan. Justeru itu, individu berkenaan dapat berfikir secara logik dan berupaya mengamalkan budaya kerja yang positif berasaskan sifat teliti, teratur, tekun menepati masa, mematuhi peraturan serta dapat bekerjasama dan berkomunikasi dengan baik dalam sebarang usaha yang dijalankan.

Seterusnya individu itu boleh membuat keputusan, peka terhadap kesan-kesannya dan bertanggungjawab (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

1.1.5 Kepentingan Pendidikan Perakaunan Di Sekolah

Pendidikan perakaunan menyediakan pelajar ke arah satu profesion yang amat diperlukan di dalam dunia perniagaan sebagai sumber penyediaan maklumat kewangan. Mereka bertanggungjawab untuk membekalkan maklumat kewangan bagi sesuatu entiti perniagaan (Suhaida, 2002). Pendidikan perakaunan juga berupaya menyediakan pelajar untuk bekerja dalam bidang simpan kira, akaun, pengurusan kewangan, pengkosan, percukaian dan pelaburan. Pendidikan perakaunan dapat membantu pelajar menjadi warganegara yang berpengetahuan dalam perniagaan dan berupaya mengurus kewangan peribadi (Halimah, 1992; Daughtery & Ristau, 1991). Pendidikan perakaunan juga memberikan laluan kerjaya yang banyak kepada pelajar iaitu sama ada sebagai kerani akaun, pegawai akaun, akauntan ataupun pengurus kewangan (Heintz, Parry & Carlson, 1993).

Menurut Sukumaran (1991), pada masa ini, sebahagian besar sukatan pelajaran prinsip perakaunan mengakui kewujudan empat kategori pelajar dalam kelas iaitu:

- i. pelajar yang ingin mendapat pekerjaan di jabatan perakaunan
- ii. pelajar yang ingin memasuki alam perniagaan dan mengakui pengetahuan simpan kira dan perakaunan akan menjadi satu kelebihan
- iii. pelajar yang ingin melanjutkan pengajian dalam kursus ini
- iv. pelajar yang mempercayai bahawa setiap warganegara harus mempunyai kefahaman mengenai perniagaan dalam kehidupan harian.

1.1.6 Pendidikan Perakaunan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

KBSM mendukung cita-cita yang murni dan unggul selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). FPK adalah bertujuan untuk mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi serta jasmani dan selaras dengan itu, KBSM pula memastikan setiap mata pelajaran berperanan memperkembangkan keempat-empat aspek tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini melihat dari segi peranan pendidikan perakaunan dalam mencapai matlamat pendidikan bersepadu yang dikemukakan dalam FPK khususnya dalam aspek intelek dan emosi. Aspek intelek telah dilihat dalam konteks pencapaian prestasi akademik, manakala aspek emosi pula telah dilihat dalam konteks kebimbangan terhadap ujian/peperiksaan.

1.1.6.1 Pencapaian Prestasi Akademik Pelajar Dalam Prinsip Perakaunan

Jika dilihat dari segi pencapaian pelajar dalam pendidikan perakaunan yang diukur melalui peperiksaan SPM 2004 (selepas setahun format pentaksiran baru diperkenalkan), didapati pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ini adalah di peringkat sederhana.

Sebagai contoh, daripada 8400 orang pelajar dari 171 buah sekolah di Negeri Perak yang mengambil mata pelajaran prinsip perakaunan di dalam SPM 2004, 2259 orang pelajar telah gagal, menjadikan bilangan pelajar yang lulus adalah 73.11%. Implikasinya boleh dikaitkan dengan kemungkinan wujudnya golongan pekerja yang kurang mahir dalam aspek perakaunan. Secara khususnya, keputusan peperiksaan SPM 2004 di Negeri Perak ditunjukkan dalam Jadual 1.1 di muka surat 15.

Jadual 1.1 : Bilangan Pelajar dan Bilangan Sekolah Negeri Perak yang menawarkan mata pelajaran prinsip perakaunan tahun 2004

Daerah	Bilangan Sekolah	Bilangan Pelajar	Peratus Lulus
Batang Padang	13	532	71.24
Manjung	15	779	67.34
Kinta 1	42	2219	73.05
Kinta 2	13	569	65.20
Kerian	15	522	83.91
Kuala Kangsar	16	817	75.32
Hilir Perak	15	831	77.14
Larut, Matang dan Selama	25	1618	73.49
Hulu Perak	9	275	78.55
Perak Tengah	8	238	60.08
JUMLAH	171	8400	73.11

Sumber: Keputusan Peperiksaan SPM 2004, Jabatan Pelajaran Perak

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan pencapaian pelajar dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan (tanpa penalti dan dengan penalti).

1.1.6.2 Kebimbangan Pelajar Terhadap Prinsip Perakaunan

Secara umum, ramai pelajar beranggapan bahawa prinsip perakaunan merupakan satu mata pelajaran yang sukar dan hanya pelajar yang pandai sahaja dapat mengikutinya. Ada juga yang beranggapan mata pelajaran prinsip perakaunan ini tidak menyeronokkan dan tidak berminat untuk membuat latihan. Pelajar-pelajar masih lagi takut (fobia) dengan angka-angka seperti juga mata pelajaran matematik. Tanggapan ini bukan sahaja wujud di kalangan pelajar-pelajar sekolah (Mohd Abdullah, 2003) tetapi juga di kalangan pihak pentadbiran dan guru-guru (Zaidatol Akmaliah & Sharifah, 1990).

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Mohd Abdullah ke atas 143 orang pelajar tingkatan empat dan lima yang mengambil mata pelajaran prinsip perakaunan di sekolah-sekolah menengah sekitar Teluk Intan, Perak menunjukkan lebih daripada 60% pelajar tidak berminat terhadap mata pelajaran prinsip perakaunan. Kebanyakan pelajar beranggapan mata pelajaran perakaunan adalah sukar untuk dipelajari dan difahami. Kelemahan pendekatan atau kaedah yang digunakan dalam P & P juga menjadi punca kurangnya minat pelajar terhadap mata pelajaran prinsip perakaunan. Kajian ini juga menyatakan guru dan ibu bapa juga memainkan peranan yang penting dalam memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran prinsip perakaunan dan seterusnya menjadikan profesion perakaunan sebagai kerjaya.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan dengan mengandaikan kebimbangan pelajar-pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan akan menyebabkan kebimbangan mereka terhadap ujian/peperiksaan mata pelajaran tersebut. Maka isu yang ingin diketengahkan adalah peranan pendidikan perakaunan bagi mengubah tanggapan pelajar supaya mereka menjadi lebih berkeyakinan untuk menjawab soalan ujian/peperiksaan.

1.1.7 Penilaian Dalam Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan

Menurut Sukumaran (1991), beberapa keadaan ataupun situasi mestilah wujud untuk penilaian dalam simpan kira dan perakaunan iaitu:

- i. penilaian yang efektif mestilah berasaskan kepada sebahagian daripada topik-topik utama yang diajar
- ii. penilaian mestilah mencungkil pemikiran seseorang pelajar dan bukan sekadar menyoal fakta-fakta atas sekadar suatu latihan penghafalan
- iii. penilaian dalam simpan kira dan perakaunan adalah berkesan jika keseluruhan skop sesuatu masalah diuji
- iv. penilaian di dalam simpan kira menjadi lebih bermakna bila para pelajar menggunakan pengetahuan lama untuk mengatasi masalah-masalah baru
- v. penilaian mestilah lebih kerap, senang pemarkahannya, pendek serta terelak daripada jawapan yang bercorak pengumpulan.

Menurut Sukumaran (1991) lagi, tujuan penilaian dalam mata pelajaran prinsip perakaunan merangkumi beberapa aspek iaitu:

- i. adakah guru menguasai dengan mahirnya sesuatu perkara yang hendak diajarkan kepada pelajar-pelajarnya?
- ii. adakah guru membuat perancangan awal yang secukupnya untuk aktiviti-aktiviti pembelajaran?
- iii. sejauh manakah kesan pembelajaran yang nyata di kalangan para pelajar?

Rajah 1.4 di muka surat 18 menunjukkan fungsi-fungsi penilaian dalam simpan kira dan perakaunan seperti mana dinyatakan oleh Sukumaran (1991).



Rajah 1.4 Fungsi-fungsi penilaian dalam simpan kira dan perakaunan

1.1.8 Format Pentaksiran Dalam Prinsip Perakaunan

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah meluluskan kurikulum bagi beberapa mata pelajaran sekolah menengah yang disemak semula termasuk prinsip perakaunan. Mata pelajaran prinsip perakaunan ini ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif di peringkat peperiksaan SPM. Pelaksanaan P & P dengan perubahan kurikulum bagi mata pelajaran ini telahpun bermula pada tahun 2003 di peringkat tingkatan empat.

Penyemakan semula sukatan pelajaran bagi mata pelajaran prinsip perakaunan sekolah menengah telah dilakukan oleh Jabatan Pendidikan Teknikal, KPM pada tahun 2000 dan telah diluluskan oleh Jawatan Kuasa Kurikulum Pusat. Sehubungan dengan

itu, LPM pula telah mengadakan bentuk instrumen pentaksiran berdasarkan sukatan pelajaran yang disemak semula itu. Pembinaan instrumen pentaksiran adalah berdasarkan jadual spesifikasi ujian yang piawai untuk menjamin mutu, kesetaraan serta kesahan dan kebolehpercayaan skor ujian (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2003).

Justeru itu, format pentaksiran bagi prinsip perakaunan juga turut berubah dan dibentuk berdasarkan hasrat dan kandungan kurikulum berkenaan. Format pentaksiran dibentuk dengan mementingkan prinsip-prinsip asas pentaksiran, terutamanya aspek kesahan, kebolehpercayaan, kebolehlaksanaan dan penjaminan kualiti. Aspek keserasian dengan kurikulum turut diberi keutamaan. Ini bermakna pentaksiran memberi fokus khusus kepada pencapaian objektif mata pelajaran, yang merangkumi bidang pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni. Bentuk pentaksiran juga memastikan keseluruhan pentaksiran mempunyai kerelevanan dan kecukupan cakupan dari aspek kandungan sukatan pelajaran (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2003).

1.1.8.1 Asas-asas Pertimbangan

Menurut Zaidatol Akmaliah & Habibah (2000), sesuatu ujian harus mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Kebolehpercayaan ujian menunjukkan keupayaannya memberi markah yang sama jika ujian itu diulangi dan sesuatu ujian itu dikatakan mempunyai kesahan yang tinggi sekiranya ia dapat mengukur apa yang hendak diukurnya.

Oleh itu, antara aspek penting yang dipertimbangkan dalam proses perekaan bentuk format pentaksiran prinsip perakaunan oleh pihak LPM ialah:

- i. *kesahan* – kesahan skor ujian melibatkan dua perkara iaitu relevan dan cakupan. Semua konstruk (perkara yang ditaksir) dalam bentuk



instrumen pentaksiran dihasilkan oleh LPM berdasarkan objektif mata pelajaran prinsip perakaunan. Item-item yang dikemukakan adalah akur dengan kurikulum dan spesifikasi ujian serta mempunyai kesesuaian dari segi kumpulan sasaran, aras kesukaran, konteks dan situasi. Kandungan instrumen pentaksiran mencakupi semua aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperoleh dalam pendidikan mata pelajaran berkenaan seperti yang dihasratkan oleh kurikulum.

- ii. *kebolehpercayaan* – kebolehpercayaan skor ujian melibatkan dua perkara iaitu ketekalan dan ketepatan. Satu spesifikasi ujian dibentuk oleh LPM bagi setiap instrumen pentaksiran untuk dijadikan piawaian yang diikuti dalam pembinaan instrumen. Ini adalah untuk memastikan ketepatan, kesetaraan dan ketekalan instrumen pentaksiran yang dihasilkan setiap tahun.



- iii. *kebolehlaksanaan* – format pentaksiran baru oleh LPM juga telah mengambil kira aspek-aspek yang memastikan pentadbiran pentaksiran boleh dilaksanakan.
- iv. *penjaminan kualiti* – format pentaksiran baru oleh LPM telah mengambil kira keperluan pentaksiran yang berperanan sebagai mekanisma dalam memastikan bukan sahaja semua yang diharapkan dalam kurikulum mata pelajaran prinsip perakaunan dapat direalisasikan tetapi juga menepati tahap kualiti yang dihasratkan.
- v. *keserasian dengan kehendak kurikulum* – format pentaksiran baru oleh LPM dan jenis item juga telah mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ingin diperkembangkan dalam P & P mata pelajaran prinsip perakaunan.





1.1.8.2 Objektif Pentaksiran Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan

Objektif pentaksiran mata pelajaran prinsip perakaunan adalah untuk mentaksir penguasaan pelajar-pelajar dalam mempamerkan:

- i. pengetahuan tentang dokumen-dokumen sumber perniagaan
- ii. kefahaman tentang konsep, prinsip serta kitaran perakaunan yang diamalkan dalam perniagaan
- iii. kemahiran mengaplikasi – keupayaan menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk membuat penyelesaian dalam situasi biasa atau baru
- iv. kemahiran mengorganisasi data – keupayaan mengklasifikasi, merekod, menganalisa dan mentafsir data kewangan berdasarkan perniagaan
- v. kemahiran menggunakan teknologi maklumat – keupayaan menggunakan perisian komputer untuk menjana rekod kitaran, merekod urusaniaga dan menghasilkan maklumat perakaunan
- vi. tabiat dan etika kerja yang positif



1.1.8.3 Format Terkini Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan

Format ujian/peperiksaan terkini mulai SPM 2004 yang dikeluarkan oleh LPM adalah ditunjukkan dalam Jadual 1.2.





Jadual 1.2 : Format Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan (mulai SPM 2004)

Bil	Perkara	Kertas 1	Kertas 2
1	Jenis instrumen	Ujian objektif	Ujian subjektif
2	Jenis item	Aneka pilihan dan gabungan	Respons terhad dan struktur
3	Bilangan soalan	40 soalan (jawab semua)	Bahagian A 4 soalan (jawab semua) Bahagian B 2 soalan (pilih satu) 3
4	Jumlah markah	40	Bahagian A Jumlah markah 68 Bahagian B Jumlah markah 12 Jumlah keseluruhan : 80
5	Tempoh ujian	1 jam 15 minit	2 jam 30 minit
6	Cakupan konteks	Semua bidang pembelajaran dari tingkatan 4 dan 5	Semua bidang pembelajaran dari tingkatan 4 dan 5
7	Alatan tambahan	Kalkulator saintifik	Kalkulator saintifik Buku tunai Jurnal Lejar Lembaran kerja

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2003



1.2 Pernyataan Masalah

Sehubungan dengan format pentaksiran baru bagi mata pelajaran prinsip perakaunan mulai 2004 oleh LPM, guru-guru perakaunan di sekolah turut menggunakan bentuk ujian yang sama iaitu ujian objektif aneka pilihan dan ujian subjektif bagi menilai pencapaian pelajar-pelajar mereka, dengan alasan supaya pelajar-pelajar dapat menyesuaikan diri dengan format soalan yang digunakan dalam peperiksaan SPM.

Biasanya, guru-guru akan mengambil soalan-soalan daripada buku rujukan, kertas-kertas model peperiksaan ataupun soalan-soalan SPM tahun lepas untuk digunakan sebagai alat pengukuran bagi mengukur pencapaian pelajar-pelajar melalui ujian/peperiksaan sekolah. Cara begini kurang praktikal kerana kemungkinan pelajar-pelajar juga mempunyai buku rujukan atau kertas-kertas model yang sama dengan guru, serta pernah juga melihat soalan-soalan SPM tahun sebelumnya dan cuba menjawabnya secara bersendirian ataupun berkumpulan. Keadaan ini akan menyebabkan soalan ujian/peperiksaan tidak boleh dipercayai lagi.

Yap Yee Khiong, Wan Chwee Seng & Ismail (1991) menyatakan sesuatu ujian itu dianggap objektif apabila pilihan jawapan bagi tiap-tiap satu item diberi dan hanya satu daripada pilihan jawapan itu dipilih sebagai jawapan yang betul. Penilaian soalan objektif aneka pilihan bergantung kepada jawapan yang dipilih. Oleh itu, ujian objektif aneka pilihan kurang dikaitkan dengan kesukaran untuk menjawabnya kerana pelajar-pelajar yang tiada pengetahuan pun akan dapat menjawabnya dengan cara meneka. Tambahan pula jika soalan ujian objektif aneka pilihan yang mereka duduki itu pernah dibaca dalam mana-mana buku rujukan atau buku ulangkaji. Namun begitu, kebimbangan mungkin timbul selepas ujian iaitu apabila pelajar-pelajar mengetahui yang mereka telah tersilap memilih jawapan. Ini bermakna kurang markah yang akan

diperolehi. Selain daripada itu, anggapan umum juga mengatakan bahawa ujian objektif paling mudah untuk mendapatkan markah yang tinggi.

Menurut Ragbir Kaur (2005) pula, ujian subjektif/esei digunakan untuk melihat kebolehan pelajar mengeluarkan pendapat dan menganalisis idea-idea secara lebih mendalam tentang sesuatu tajuk yang diberikan. Penilaian soalan subjektif amat bergantung kepada hasil atau bentuk jawapan yang dikehendaki. Oleh yang demikian, ujian subjektif sering dikaitkan dengan kesukaran untuk menjawabnya dan juga kesukaran untuk mendapatkan markah yang tinggi jika dibandingkan dengan ujian objektif. Tambahan pula dikaitkan dengan peraturan pemarkahan yang ketat dan faktor-faktor kemanusiaan. Suasana sebegini boleh menyebabkan pelajar-pelajar berasa bimbang untuk menjawab soalan ujian subjektif. Tambahan pula apabila mereka tidak boleh mengelakkan diri daripada menjawabnya kerana ujian subjektif wajib diduduki.

Bertitik tolak daripada permasalahan yang wujud dalam pendidikan perakaunan yang merangkumi aspek intelek dan emosi, kajian ini dilakukan dengan memberi tumpuan kepada aspek pengukuran dan penilaian. Penilaian yang dilaksanakan sekarang ialah dalam bentuk ujian objektif aneka pilihan dan ujian subjektif.

Kajian Mohd Abdullah (2003) ke atas 143 orang pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima di beberapa buah sekolah sekitar Teluk Intan, Perak mendapati 10 faktor yang menjadi penentu kepada kebimbangan pelajar terhadap mata pelajaran prinsip perakaunan. Antaranya ialah kebanyakan pelajar kurang selesa, kurang gemar, tidak berminat mempelajarinya, mata pelajaran prinsip perakaunan tidak menyeronokkan, tidak berminat untuk membuat latihan dan sukar untuk mempelajari dan memahami mata pelajaran ini. Sehubungan dengan itu, mata pelajaran perakaunan dianggap satu mata pelajaran yang sukar dan hanya pelajar yang pandai sahaja dapat mengikutinya.

Walau bagaimanapun, kajian kebimbangan pelajar terhadap ujian/peperiksaan belum begitu meluas terutama dalam mata pelajaran prinsip perakaunan. Maka kajian ini adalah penting untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan pencapaian pelajar dalam kedua-dua bentuk ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan ataupun tidak. Perbezaan pencapaian tersebut diberi penekanan kepada lokasi sekolah, jantina, kaum/etnik dan mengikuti kelas tuisyen.

Begitu juga, kajian ini penting dijalankan untuk menunjukkan sama ada wujud kebimbangan terhadap ujian/peperiksaan prinsip perakaunan bagi pelajar tingkatan empat ataupun tidak. Sekiranya terdapat perbezaan, maka pelajar-pelajar perlu didedahkan dan diberikan latihan yang lebih banyak lagi bagi mengurangkan kebimbangan mereka supaya mereka lebih berkeyakinan menduduki ujian/peperiksaan dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi mereka di dalam mata pelajaran prinsip perakaunan.

Cabaran guru perakaunan ialah mengubah paradigma di kalangan pelajar. Keupayaan untuk mengubah tanggapan negatif menjadi asas kepada pelajar untuk meminati dan mendalami mata pelajaran prinsip perakaunan (Mohd Abdullah, 2003). Oleh itu, dirasakan perubahan terhadap tanggapan atau persepsi negatif pelajar terhadap mata pelajaran prinsip perakaunan ini mungkin boleh mengurangkan kebimbangan mereka terhadap ujian/peperiksaan prinsip perakaunan yang bakal dihadapi.


1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai lima objektif, iaitu:

- (a) Membandingkan pencapaian dalam ujian subjektif, ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan mengikut lokasi sekolah, jantina, kaum dan mengikuti kelas tuisyen.
- (b) Mengenal pasti korelasi pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan.
- (c) Mengenal pasti korelasi pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan.
- (d) Mengenal pasti kebimbangan pelajar yang menduduki ujian subjektif, ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP).
- (e) Membandingkan kebimbangan pelajar yang mengambil ujian subjektif dengan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP), ujian subjektif dengan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) dengan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP).

1.4 Model Konseptual Kajian

Model konseptual kajian ini (Rajah 1.5) menunjukkan perkaitan antara lokasi sekolah, jantina, kaum/etnik dan mengikuti kelas tuisyen sebagai pembolehubah bebas dan pencapaian pelajar-pelajar dalam ujian prestasi prinsip perakaunan sebagai pembolehubah bersandar.



Rajah 1.5 Model Konseptual Kajian Kebimbangan Terhadap Ujian

1.5 Soalan-soalan Kajian

Persoalan kajian adalah:

- (a)(i) Adakah perbezaan format ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) akan menyebabkan perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar sekolah bandar?
- (a)(ii) Adakah perbezaan format ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) akan menyebabkan perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar sekolah luar bandar?
- (a)(iii) Adakah perbezaan format ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) akan menyebabkan perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar lelaki?
- (a)(iv) Adakah perbezaan format ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) akan menyebabkan perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar perempuan?
- (a)(v) Adakah perbezaan format ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) akan menyebabkan perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar Melayu?
- (a)(vi) Adakah perbezaan format ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) akan menyebabkan perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar bukan Melayu?
- (a)(vii) Adakah perbezaan format ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) akan menyebabkan perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar mengikuti kelas tuisyen?



- (a)(viii) Adakah perbezaan format ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) akan menyebabkan perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar tidak mengikuti kelas tuisyen?
- (a)(ix) Adakah perbezaan format ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) akan menyebabkan perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar sekolah bandar?
- (a)(x) Adakah perbezaan format ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) akan menyebabkan perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar sekolah luar bandar?
- (a)(xi) Adakah perbezaan format ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) akan menyebabkan perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar lelaki?
- (a)(xii) Adakah perbezaan format ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) akan menyebabkan perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar perempuan?
- (a)(xiii) Adakah perbezaan format ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) akan menyebabkan perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar Melayu?
- (a)(xiv) Adakah perbezaan format ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) akan menyebabkan perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar bukan Melayu?



- (a)(xv) Adakah perbezaan format ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) akan menyebabkan perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar mengikuti kelas tuisyen?
- (a)(xvi) Adakah perbezaan format ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) akan menyebabkan perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar tidak mengikuti kelas tuisyen?
- (b) Adakah terdapat korelasi pencapaian antara ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) dalam mata pelajaran prinsip perakaunan?
- (c) Adakah terdapat korelasi pencapaian antara ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) dalam mata pelajaran prinsip perakaunan?
- (d)(i) Adakah kebimbangan pelajar terhadap ujian subjektif mata pelajaran prinsip perakaunan disebabkan oleh kemahiran?
- (d)(ii) Adakah kebimbangan pelajar terhadap ujian subjektif mata pelajaran prinsip perakaunan disebabkan oleh persediaan?
- (d)(iii) Adakah kebimbangan pelajar terhadap ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) mata pelajaran prinsip perakaunan disebabkan oleh kemahiran?
- (d)(iv) Adakah kebimbangan pelajar terhadap ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) mata pelajaran prinsip perakaunan disebabkan oleh persediaan?
- (d)(v) Adakah kebimbangan pelajar terhadap ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) mata pelajaran prinsip perakaunan disebabkan oleh kemahiran?
- (d)(vi) Adakah kebimbangan pelajar terhadap ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) mata pelajaran prinsip perakaunan disebabkan oleh persediaan?

- (d)(vii) Adakah kebimbangan pelajar terhadap ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) mata pelajaran prinsip perakaunan disebabkan oleh penalti?
- (e)(i) Adakah perbezaan format ujian subjektif dengan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) akan menyebabkan adanya kebimbangan di kalangan pelajar yang mengambil mata pelajaran prinsip perakaunan?
- (e)(ii) Adakah perbezaan format ujian subjektif dengan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) akan menyebabkan adanya kebimbangan di kalangan pelajar yang mengambil mata pelajaran prinsip perakaunan?
- (e)(iii) Adakah perbezaan format ujian objektif aneka pilihan (OTP) dengan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) akan menyebabkan adanya kebimbangan di kalangan pelajar yang mengambil mata pelajaran prinsip perakaunan?

1.6 Hipotesis-hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah:

- H_{o1} : Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar sekolah bandar.
- H_{o2} : Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar sekolah luar bandar.
- H_{o3} : Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar lelaki.



- Ho₄ : Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar perempuan.
- Ho₅ : Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar Melayu.
- Ho₆ : Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar bukan Melayu.
- Ho₇ : Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar mengikuti kelas tuisyen.
- Ho₈ : Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar tidak mengikuti kelas tuisyen.
- Ho₉ : Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar sekolah bandar.
- Ho₁₀ : Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar sekolah luar bandar.
- Ho₁₁ : Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar lelaki.





- Ho₁₂ : Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar perempuan.
- Ho₁₃ : Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar Melayu.
- Ho₁₄ : Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar bukan Melayu.
- Ho₁₅ : Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar mengikuti kelas tuisyen.
- Ho₁₆ : Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan berdasarkan pelajar tidak mengikuti kelas tuisyen.
- Ho₁₇ : Tidak terdapat korelasi pencapaian antara ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) dalam mata pelajaran prinsip perakaunan.
- Ho₁₈ : Tidak terdapat korelasi pencapaian dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) bagi mata pelajaran prinsip perakaunan.
- Ho₁₉ : Kebimbangan pelajar terhadap ujian subjektif mata pelajaran prinsip perakaunan bukan disebabkan oleh kemahiran.
- Ho₂₀ : Kebimbangan pelajar terhadap ujian subjektif mata pelajaran prinsip perakaunan bukan disebabkan oleh persediaan.
- Ho₂₁ : Kebimbangan pelajar terhadap ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) mata pelajaran prinsip perakaunan bukan disebabkan oleh kemahiran.





- Ho₂₂ : Kebimbangan pelajar terhadap ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) mata pelajaran prinsip perakaunan bukan disebabkan oleh persediaan.
- Ho₂₃ : Kebimbangan pelajar terhadap ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) mata pelajaran prinsip perakaunan bukan disebabkan oleh kemahiran.
- Ho₂₄ : Kebimbangan pelajar terhadap ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) mata pelajaran prinsip perakaunan bukan disebabkan oleh persediaan.
- Ho₂₅ : Kebimbangan pelajar terhadap ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) mata pelajaran prinsip perakaunan bukan disebabkan oleh penalti.
- Ho₂₆ : Perbezaan format ujian subjektif dengan ujian objektif aneka pilihan tanpa penalti (OTP) tidak menyebabkan adanya kebimbangan di kalangan pelajar yang mengambil mata pelajaran prinsip perakaunan.
- Ho₂₇ : Perbezaan format ujian subjektif dengan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) tidak menyebabkan adanya kebimbangan di kalangan pelajar yang mengambil mata pelajaran prinsip perakaunan.
- Ho₂₈ : Perbezaan format ujian objektif aneka pilihan (OTP) dengan ujian objektif aneka pilihan dengan penalti (ODP) tidak menyebabkan adanya kebimbangan di kalangan pelajar yang mengambil mata pelajaran prinsip perakaunan.

1.7 Kepentingan Kajian

Sehingga kini tidak banyak penyelidikan dijalankan yang memberi perhatian kepada meningkatkan prestasi pelajar-pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan di Malaysia terutamanya dari segi pengukuran dan penilaian.

Di antara kajian yang telah dijalankan di dalam bidang pendidikan perakaunan adalah tentang kurikulum prinsip akaun (Tham Charn Hoong, 1987; Che Lai, 1993),



pertalian antara pencapaian matematik dengan pencapaian perakaunan (Tee Poh Wah, 1989), sikap dan pencapaian dalam perakaunan serta faktor-faktor mempengaruhinya (Halimah, 1992; Azura, 1999; Junainah, 2000), penggunaan buku teks prinsip akaun (Mohd Salleh, 1993), sikap terhadap mata pelajaran prinsip akaun (Ong Bee Leng, 1995; Ho Phuay Sin, 2000), jangkaan kerjaya pelajar perakaunan (Hasnul Hadi, 1999), strategi P & P dalam pendidikan perakaunan (Normi, 2000; Rubiah, 2002; Suhaida, 2002), keberkesanan kurikulum prinsip akaun (Che Lai, 1993; Punitha Vathy, 1998; Norliza, 2001) dan masalah P & P prinsip akaun (Hanuni, 2003). Oleh yang demikian, pengkaji cuba untuk menjalankan kajian dalam bidang pendidikan perakaunan berkaitan dengan sistem pentaksiran mata pelajaran berkenaan di peringkat SPM.

Walaupun banyak kajian mengenai ujian/peperiksaan di luar negara dan di Malaysia sendiri iaitu tentang kesahan telahan beberapa ujian pencapaian (Al Sagap, 1985), ujian diagnostik Matematik (Azmah, 1997), respon dan sikap pengambil ujian (Wong Fook Fei 1998), meramal gred peperiksaan (Arif Afandi, 1999), namun penekanan kepada bentuk ujian belum diberi penekanan yang meluas. Justeru itu, pengkaji cuba untuk memberi penekanan ke atas perbandingan pencapaian pelajar dalam ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan serta kebimbangan mereka terhadap ujian-ujian tersebut. Walaupun pernah ada kajian yang dijalankan berkaitan dengan perkara ini, namun kajian tersebut memberi tumpuan kepada mata pelajaran sejarah (Abd Jalil, 1995).

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan kebimbangan di Malaysia seperti kesan kebimbangan ke atas pencapaian akademik (Adzman, 1988; Zalina, 1989; Karim, 1989; Noraliza, 2004), kesan peperiksaan ke atas kerisauan (Rahil, 1991), kesan perubahan format ujian matematik (Jamil, 1992), faktor-faktor yang menyebabkan kebimbangan dalam menghadapi ujian dan peperiksaan (Mohd Azmi,

2000) dan punca-punca kebimbangan (Sumarni, 2000). Kajian berkaitan dengan kebimbangan terhadap mata pelajaran prinsip akaun (Mohd Abdullah, 2003) juga pernah dijalankan, tetapi kebimbangan pelajar terhadap ujian/peperiksaan prinsip perakaunan belum begitu meluas.

Dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan panduan oleh guru prinsip perakaunan dalam memperbanyakkan lagi latihan sama ada berbentuk subjektif ataupun berbentuk objektif aneka pilihan untuk menjadikan pelajar lebih bersedia dan berkeyakinan menghadapi ujian (menghilangkan kebimbangan) dan seterusnya meningkatkan prestasi mereka.

Oleh kerana selama ini bentuk ujian di peringkat peperiksaan SPM bagi mata pelajaran prinsip perakaunan hanya berbentuk subjektif, maka dapatan kajian ini diharapkan dapat menyatakan sama ada terdapat perbezaan pencapaian pelajar bagi mata pelajaran prinsip perakaunan dengan menggunakan kedua-dua bentuk ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan.

Kajian ini juga dibuat bertujuan untuk melihat adakah bentuk-bentuk ujian yang digunakan itu sama ada ujian subjektif ataupun ujian objektif aneka pilihan telah menimbulkan kebimbangan di kalangan pelajar dan akhirnya akan menimbulkan perbezaan tahap pencapaian para pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan. Ini sekurang-kurangnya boleh dijadikan panduan kepada guru prinsip perakaunan untuk membina soalan ujian yang selari dengan isi kandungan antara kedua-dua ujian tersebut agar pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan menjadi lebih bermakna lagi.

Berdasarkan korelasi antara pencapaian bagi ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan yang dilakukan, dapatan kajian ini diharapkan dapat menjelaskan bahawa pelajar yang mendapat markah yang tinggi dalam ujian subjektif akan mendapat markah

yang tinggi juga dalam ujian objektif aneka pilihan. Manakala sebaliknya pelajar yang mendapat markah rendah dalam ujian subjektif akan mendapat markah yang rendah juga dalam ujian objektif aneka pilihan.

Selain daripada itu, semoga dengan penggunaan kedua-dua bentuk ujian ini di peringkat SPM, matlamat P & P akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi. Melalui penggunaan ujian subjektif, kemahiran pelajar dalam merancang, menyusun isi dan membuat persembahan dengan pengolahan yang baik akan dapat diuji manakala melalui penggunaan ujian objektif aneka pilihan, bidang P & P akan dapat dicakupi dengan lebih luas lagi. Oleh yang demikian, persoalan bahawa proses P & P hanya meliputi topik-topik tertentu sahaja daripada sukatan pelajaran akan dapat dihindarkan selaras dengan perubahan kurikulum yang telah disemak semula oleh KPM.

Akhirnya dapatan kajian ini diharapkan sedikit sebanyak dapat memberi panduan atau menjelaskan kepada guru-guru perakaunan supaya menggunakan isi kandungan yang sama dalam kedua-dua bentuk ujian yang berbeza bagi menilai kefahaman pelajar-pelajarnya. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru dalam menyediakan soalan ujian mereka sendiri dan tidaklah hanya bergantung kepada soalan-soalan yang pernah dikeluarkan dalam peperiksaan SPM oleh LPM ataupun yang terdapat dalam buku ulangkaji di pasaran.

1.8 Definisi Operasional Pembolehubah

(a) Pelajar

Orang yang menerima pendidikan secara formal di sekolah. Pelajar dalam kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 4 yang mengambil prinsip perakaunan.

(b) Kebimbangan Terhadap Ujian/peperiksaan

Perasaan khuatir atau risau semasa menghadapi sesuatu ujian/peperiksaan kerana seseorang individu yang menduduki sesuatu ujian mempunyai harapan tertentu yang perlu dicapai (Abd Jalil, 1995).

Dalam kajian ini, kebimbangan merujuk kepada kebimbangan yang berkaitan dengan sesuatu situasi (kebimbangan stet). Istilah kebimbangan akan saling ditukar dengan istilah kerisauan. Oleh itu, kedua-dua istilah ini adalah sama maksudnya.

(c) Pencapaian Akademik

Pengukuran merupakan satu proses menghasilkan nilai-nilai kuantitatif untuk menentukan peringkat dan kedudukan pelajar-pelajar dalam pembelajaran. Tujuan utamanya ialah untuk membuat pengelasan bagi pencapaian akademik pelajar dalam pembelajaran (Ragbir Kaur, 2005).

Pembelajaran pelajar di dalam kajian ini diukur menggunakan ujian prestasi yang dibentuk sendiri oleh pengkaji. Ujian ini mengandungi 3 bentuk iaitu ujian subjektif, ujian OTP dan ujian ODP. Ujian ini mengukur sejauhmana seseorang itu lebih baik daripada individu yang lain dalam perkara yang telah dipelajari bersama.

(d) Tingkatan

Tingkatan merujuk kepada aras persekolahan dan disamaertikan dengan umur (Rahil, 1991). Di Malaysia, kenaikan tingkatan ialah sama dengan kenaikan umur. Dalam kajian ini, tingkatan yang digunakan ialah tingkatan 4 dan umur pula ialah antara 16 hingga 17 tahun.



(e) Ujian Subjektif

Item ujian berbentuk subjektif tidak menyediakan pilihan jawapan untuk pelajar menjawabnya. Pelajar bebas untuk memberikan jawapannya dengan cara mereka sendiri berdasarkan kebolehan dan pengetahuan yang ada terhadap apa yang disoalkan.

Menurut Zaidatol Akmaliah & Habibah (2000), ujian ini sesuai untuk mengukur pemahaman pelajar tentang konsep-konsep dan prinsip-prinsip yang telah dipelajari. Ujian jenis ini juga dapat menilai pencapaian objektif di aras yang lebih tinggi seperti aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.

Ujian subjektif di dalam kajian ini boleh dirujuk di dalam Lampiran A1.

(f) Ujian Objektif Aneka Pilihan

Item ujian berbentuk objektif aneka pilihan mempunyai beberapa pilihan beberapa jawapan atau opsyen. Pelajar dikehendaki memilih hanya satu sahaja jawapan betul atau jawapan yang terbaik daripada alternatif-alternatif yang diberikan.

Ujian bentuk ini berkesan dari segi mencungkil pengetahuan pelajar, menguji kebolehan pelajar menggabungkan sebab dan kesan dan kebolehan membanding dan membezakan sesuatu (Zaidatol Akmaliah & Habibah, 2000).

Di dalam kajian ini, ujian objektif aneka pilihan dibahagikan kepada 2 bentuk iaitu ujian OTP dan ujian ODP.

(g) Ujian Objektif Aneka Pilihan Tanpa Penalti

Item ujian berbentuk objektif aneka pilihan menyediakan pilihan beberapa jawapan atau opsyen. Pelajar dikehendaki hanya memilih satu sahaja jawapan betul atau jawapan yang terbaik. Walau bagaimanapun jika pelajar memilih jawapan yang salah atau tidak



memberikan sebarang jawapan, mereka tidak akan dikenakan penalti dalam bentuk pemotongan markah.

Ujian OTP di dalam kajian ini boleh dirujuk di Lampiran A2.

(h) Ujian Objektif Aneka Pilihan Dengan Penalti

Item yang menyediakan pilihan jawapan kepada pelajar di mana pelajar dikehendaki memilih satu sahaja sebagai jawapan betul atau terbaik. Sekiranya pelajar memilih jawapan yang salah, mereka akan dikenakan penalti dalam bentuk pemotongan sebahagian daripada markah yang diperolehi. Sebaliknya jika pelajar tidak memberikan sebarang jawapan, mereka tidak akan dikenakan apa-apa penalti.

Ujian ODP di dalam kajian ini boleh dirujuk di Lampiran A3.

(i) Pendidikan Perakaunan

Pendidikan perakaunan dalam kajian ini merujuk kepada mata pelajaran prinsip perakaunan tingkatan empat yang meliputi tajuk tafsiran akaun, penyata kewangan dan penyediaan lembaran kerja.

Secara khususnya, topik-topik yang dicakupi adalah:

Bab 1 - Pengenalan (Sejarah perakaunan secara ringkas, simpan kira dan perakaunan, bentuk-bentuk organisasi perniagaan dan konsep-konsep perakaunan)

Bab 2 - Aset, liabiliti dan ekuiti pemilik, hasil dan belanja (pengertian dan pengelasan, pendedahan kepada penyata kewangan, persamaan perakaunan)

Bab 3 - Dokumen perniagaan sebagai sumber rekod perakaunan (pengenalan dokumen sebagai sumber maklumat, aliran dokumen perniagaan antara pembeli dan penjual, diskaun niaga).

**(j) Item Ujian dan Opsyen**

Soalan atau butiran yang terkandung di dalam sesuatu ujian. Manakala opsyen adalah pilihan jawapan yang disediakan untuk ujian berbentuk objektif aneka pilihan.

(k) Lokasi Sekolah

Lokasi sekolah terdiri daripada bandar dan luar bandar

(l) Jantina

Jantina adalah ditentukan oleh perwarisan yang diterimanya daripada pihak ibu bapa (Atan, 1982). Jantina terdiri daripada lelaki dan perempuan

(m) Kaum/Etnik

Kaum bermaksud perbezaan kebudayaan yang diwarisi oleh setiap kumpulan manusia.

Kebudayaan ini merujuk kepada pertuturan, agama, makanan kebiasaan dan negara asal. Negara Malaysia terdiri berbagai etnik, misalnya Melayu, Cina, India dan lain-lain lagi. Ahli dalam kumpulan etnik mempercayai bahawa mereka berasal dari satu keturunan (Mohd Salleh, 1998).

(n) Mengikuti Kelas Tiusyen

Kelas-kelas bimbingan pelajaran di luar waktu sekolah dan dianjurkan oleh pihak-pihak selain daripada pihak sekolah.

(o) Analisis Item

Analisis item/soalan merupakan suatu kajian yang sistematik terhadap item/soalan yang telah digunakan dalam sesuatu ujian pra (Mok Soon Sang, 2003).





Di dalam kajian ini, keputusan-keputusan ujian pra (kajian rintis) telah digunakan untuk menentukan indeks kesukaran dan indeks diskriminasi bagi setiap item/soalan yang telah digubal. Nilai indeks yang didapati telah ditafsirkan untuk menentukan sama ada item/soalan sesuai digunakan atau tidak.

(p) Indeks Kesukaran (p)

Indeks ini digunakan untuk menunjukkan item/soalan sama ada terlalu sukar, sederhana atau terlalu mudah. Nilai indeks ini dihitung dengan cara bilangan pelajar yang menjawab betul dibahagi dengan jumlah pelajar yang mencuba sesuatu item/soalan (Mok Soon Sang, 2003).

Di dalam kajian ini, item ujian ditafsirkan kepada terlalu sukar, sederhana dan terlalu mudah.



(q) Indeks Diskriminasi (D)

Indeks ini mempunyai kuasa atau fungsi membezakan pelajar-pelajar daripada kumpulan bijak dengan kumpulan lemah. Nilai indeks diskriminasi yang didapati melalui rumus dapat membantu menentukan sama ada sesuatu item/soalan sesuai digunakan atau tidak (Mok Soon Sang, 2003).

Di dalam kajian ini, item ujian telah dikelaskan kepada:

- i. berdiskriminasi positif (peratus jawapan betul daripada kumpulan pelajar bijak lebih tinggi daripada kumpulan pelajar lemah)
- ii. berdiskriminasi negatif (peratus jawapan betul daripada kumpulan pelajar bijak lebih rendah daripada kumpulan pelajar lemah)
- iii. tidak berdiskriminasi (peratus jawapan betul daripada kumpulan pelajar bijak adalah sama dengan kumpulan pelajar lemah).



(r) Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan merujuk kepada pencapaian yang ada ketepatan dalam skor-skor ujian yang diulang. Ianya dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti emosi pelajar, tempat di mana ujian dilaksanakan, suasana persekitaran ujian, faktor kesihatan pelajar, tempoh ujian dan sebaran skor ujian (Ragbir Kaur, 2005).

Di dalam kajian ini, nilai kebolehpercayaan soal selidik telahpun diperolehi dengan menggunakan prosedur/rumus alpha cronbach.

1.9 Bidang dan Batasan Kajian

1.9.1 Bidang Kajian

Bidang kajian ini hanya menumpukan kepada pembolehubah-pembolehubah yang mempunyai hubung kait dengan faktor latar belakang pelajar seperti lokasi sekolah, jantina, kaum/etnik dan mengikuti kelas tuisyen. Pembolehubah-pembolehubah ini dipilih kerana pengkaji berpendapat ia sangat mempengaruhi dan berkaitan dengan emosi pelajar terhadap ujian yang akan dihadapi.

Di samping itu, bidang kajian ini juga hanya menumpukan kepada pembolehubah pencapaian prestasi pelajar berdasarkan dua bentuk ujian iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan. Ini selaras dengan format pentaksiran peperiksaan yang diperkenalkan oleh LPM mulai tahun 2004. Cuma dalam kajian ini ujian objektif aneka pilihan dibahagikan kepada dua jenis iaitu ujian OTP dan ujian ODP bagi melihat tahap kebimbangan para pelajar terhadap ujian/peperiksaan.

1.9.2 Batasan Kajian

Kajian ini berbentuk tinjauan dijalankan ke atas beberapa buah sekolah menengah di negeri Perak sahaja. Jadi dapatan kajian ini adalah sesuai dan tepat untuk digunakan di dalam kawasan kajian ini sahaja dan terpaksa diubahsuai sekiranya kajian seumpamanya hendak digunakan di kawasan-kawasan lain.

Batasan kedua ialah pentadbiran ujian ini juga sebahagiannya dikendalikan oleh guru mata pelajaran prinsip perakaunan yang telah diberikan taklimat dan panduan cara-cara pentadbiran ujian oleh pengkaji. Oleh itu, setakat mana tinjauan ini dapat dijalankan bergantung kepada bilangan guru mata pelajaran prinsip perakaunan yang memberikan kerjasama sepenuhnya di dalam kajian ini. Namun begitu, sebagai satu cara untuk mengatasi masalah ini, pengkaji telah berusaha menyakinkan pengetua dan guru mata pelajaran prinsip perakaunan bahawa laporan dan analisis kajian ini akan dibentangkan dalam bentuk purata keseluruhan tanpa melibatkan identiti individu dan sekolah.

Batasan ketiga adalah dari segi generalisasi dapatan kajian. Kajian ini bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan pencapaian pelajar dalam dua bentuk ujian yang berbeza iaitu ujian subjektif dan ujian objektif aneka pilihan (ujian OTP dan ujian ODP). Kajian ini hanya melibatkan 230 orang pelajar tingkatan empat dari beberapa buah sekolah menengah Negeri Perak yang dipilih sahaja. Oleh itu, dapatan kajian ini terbatas kepada sampel yang dikaji dan tidak dapat digambarkan kepada peringkat populasi yang lebih besar. Sehubungan dengan itu, hasil kajian tidak dapat dirumuskan dengan sepenuhnya.

Batasan keempat ialah faktor-faktor luaran seperti sikap pelajar, kecerdasan pelajar, motivasi yang ada dalam diri pelajar berkenaan. Walaupun faktor-faktor ini

merupakan faktor yang juga mempengaruhi pencapaian pelajar, tetapi ianya tidak diambilkira dalam kajian ini dan di luar kawalan pengkaji.

Batasan seterusnya adalah dari segi instrumen pengukuran. Instrumen kajian ini memerlukan isi kandungan yang sama atau hampir sama supaya perbandingan pencapaian bagi kedua-dua bentuk ujian dapat dibuat. Tempoh masa antara kedua-dua bentuk ujian juga adalah singkat. Ini mungkin membolehkan pelajar-pelajar dapat mengingat semula soalan-soalan dalam ujian OTP dan ujian ODP semasa mereka menjawab soalan-soalan dalam ujian subjektif. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana kajian ini sememangnya memerlukan isi kandungan yang sama atau hampir sama.

1.10 Rumusan

Di dalam bab ini pengkaji telah menjelaskan latar belakang konsep pengujian, pengukuran dan penilaian. Pengkaji juga telah menghuraikan definisi pendidikan perakaunan, kepentingannya dan matlamat mata pelajaran prinsip perakaunan serta hubungan pendidikan perakaunan dengan falsafah pendidikan kebangsaan. Di samping itu, format pentaksiran baru dalam mata pelajaran prinsip perakaunan juga turut diperjelaskan termasuk asas-asas pertimbangan dan objektif pentaksiran. Seterusnya, beberapa isu yang wujud dikemukakan bagi menyokong pernyataan masalah kajian ini. Tumpuan diberi kepada format pentaksiran baru oleh LPM serta kaitannya dengan tahap kebimbangan terhadap ujian/peperiksaan yang dihadapi. Akhir sekali pengkaji mengemukakan objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, definisi operasional pembolehubah serta bidang dan batasan yang digunakan di dalam kajian ini.